

## Pelancongan Pendidikan: Motif, Pengalaman dan Ruang Pergerakan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa Universiti Sains Malaysia

*Educational Tourism: Motive, Experience and Space for Movement among International Postgraduate Student)*

Ruzanna Syamimi Ramli [ruzannasyamimi@gmail.com](mailto:ruzannasyamimi@gmail.com)  
Jabil Mapjabil [bill@usm.my](mailto:bill@usm.my)  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

### ABSTRAK

Kertas kerja ini meneliti tentang motif, pengalaman dan ruang pergerakan pelancong pendidikan. Satu kajian telah dijalankan yang melibatkan 157 orang pelajar pascasiswazah antarabangsa di kampus induk Universiti Sains Malaysia bagi meneliti isu ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah temu bual menggunakan borang soal selidik, pemerhatian dan rujukan pelbagai bahan literatur. Hasil kajian mendapati 72.6% adalah responden lelaki, majoriti berumur 26-30 tahun, kebanyakannya menginap di luar kampus (53.5%), tahun 2010 paling ramai mendaftar (31.2%), terutamanya di peringkat kedoktoran (65.0%), dalam bidang sains gunaan (34.4%) dan responden dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan mempunyai nilai peratusan yang tinggi iaitu 19.1%. Terdapat empat motif utama dalam pemilihan Malaysia dan USM iaitu motivasi dan galakan, promosi dan tawaran, reputasi kursus serta imej. Sumber yang digunakan oleh kebanyakannya responden adalah internet / laman web (60.5%). Faktor utama mereka memilih USM kerana reputasi yang bagus. Pengalaman terus responden boleh dilihat dalam aktiviti yang disertai sepanjang tempoh pengajian mereka. Aktiviti persidangan adalah aktiviti utama responden iaitu 56.1%. Dari segi pergerakan mereka, kekerapan pulang ke negara asal paling tinggi antara 1-5 kali (51.6%). Majoriti responden terlibat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh universiti / Institut Pengajian Siswazah dan mempunyai kekerapan tertinggi dalam setiap aktiviti. Setiap responden mempunyai ruang pergerakan mereka sendiri sama ada dalam Pulau Pinang, negeri lain serta luar negara. Dapatkan kajian ini didapati amat relevan dan berguna kepada pihak berkepentingan khususnya Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam merangka strategi yang proaktif dalam merealisasikan Malaysia sebagai hub pelancongan pendidikan yang terkemuka di rantau Asia Pasifik khususnya dan di peringkat dunia amnya.

Katakunci: Pelancongan Pendidikan, Motif, Pengalaman, Ruang Pergerakan, Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa USM

### ABSTRACT

*This paper examines the motives, experiences and activity space educational of tourist. A syudy was conducted involving 157 international postgraduates students at main campus Universiti Sains Malaysia to examine this issues. The method used in an interview using questionnaires, observation and literature from various materials. Results showed that 72.6% were male respondents, the majority aged between 26-30 years, most of them stay outside campus (53.5%), in 2010 the largest number of registered (31.2%), especially at doctoral level (65.0%), in the field of applied sciences (34.4%) and School of Social Sciences has a high percentage which is 19.1%. There are four main motives in the selection of Malaysia and USM are motivation and incentives, promotion and offers, reputation of courses and image. Resources used by most respondents are internet / web sites (60.5%). The main factors they choose USM because of a good reputation. Direct experience of the respondents can be seen in the activities they participated during the study period. Conference activities are the main activities, namely 56.1% of respondents. In terms of their movement, the frequency returned home between 1-5 times is the highest (51.6%). The majority of respondents were involved in activities organized by the university / Institute of Graduate Studies and has the highest frequency in each activity. Each respondent had their own space whether in Penang, other states and overseas. These findings are very relevant and useful to stakeholders, particularly the Ministry of Tourism Malaysia and the Ministry of Higher Education in developing a proactive strategy to realize Malaysia as a leading educational travel hub in the Asia Pasific region in particular and at the world generally.*

*Keywords: Educational Tourism, Motives, Experience, Space Activity, Postgraduate Students USM*

## PENGENALAN

Pelancongan pendidikan dalam konteks perjalanan untuk belajar dan tujuan pendidikan bukanlah suatu konsep yang baru. Perjalanan dalam pencarian kelayakan akademik atau belajar secara umum dan pemerhatian telah bermula sejak beberapa abad yang lalu. Smith dan Jenner (1997) menegaskan bahawa pelancongan memperluaskan fikiran dan dengan itu, mereka berpendapat bahawa semua pelancongan boleh dianggap sebagai pendidikan. Namun begitu, mereka menjelaskan bahawa konsep perjalanan untuk pendidikan dan pembelajaran adalah bidang yang luas dan rumit. Ini menjelaskan mengapa ahli akademik dan industri pelancongan mengabaikan bidang ini untuk suatu tempoh yang panjang. *Grand tour* dianggap sebagai era pelancongan budaya dan pendidikan. Pada awalnya, ia dilakukan oleh para sarjana dan pemuda Inggeris aristokratis sebagai sebahagian daripada pendidikan mereka dalam abad ke-17, ke-18 dan abad ke-19 (French et al., 2000; Canada Tourism Comission, 2001). Tujuan *grand tour* adalah untuk mengajar dan membudayakan peserta melalui beberapa siri kajian yang berlangsung hingga beberapa tahun di Eropah seperti Perancis, Switzerland dan Jerman.

Menurut Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pelancongan pendidikan didapati berpotensi sebagai satu segmen pasaran baru yang berupaya meningkatkan pendapatan tukaran asing, seterusnya mampu mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Pendapatan tukaran asing daripada sektor ini meningkat RM220 juta pada tahun 2000 kepada RM450 juta pada tahun 2005. Promosi pelancongan pendidikan terus dipertingkatkan bagi membangunkan Malaysia sebagai destinasi pilihan oleh para pelajar antarabangsa. Pendapatan tukaran asing daripada sumber pertumbuhan yang berpotensi ini dianggar sebanyak RM900 juta pada tahun 2010. Sebagai usaha untuk menggalakkan pelancongan pendidikan secara berterusan dalam jangka masa panjang, lima Pusat Penggalakan Pendidikan Malaysia didirikan di Beijing, Dubai, Ho Chi Minh, Jakarta dan Jeddah untuk mempromosi peluang pendidikan yang terdapat di Malaysia serta akan dipertingkatkan lagi di bandar terpilih (Sim, 2007). Pusat ini berperanan sebagai tempat rujukan dan pusat kaunseling kepada para pelajar antarabangsa dan ibu bapa. Ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu di dunia, di samping meningkatkan daya saing institusi pengajian tinggi di Malaysia.

## KONSEPTUAL DAN LITERATUR PELANCONGAN PENDIDIKAN

Menurut Ritchie (2006), pelancongan pendidikan boleh ditakrifkan sebagai kegiatan yang dilakukan oleh pelancong yang bercuti dalam tempoh semalam dan mereka yang melakukan perjalanan untuk pendidikan atau pembelajaran sebagai tujuan primer atau sekunder mereka. Hal ini merangkumi pelancongan pendidikan secara umum dan pelancongan pendidikan dewasa, universiti antarabangsa dan domestik serta pelancongan pelajar termasuklah sekolah bahasa, lawatan sekolah dan program pertukaran pelajar. Pelancongan pendidikan boleh dilakukan secara bebas atau formal dalam keadaan semula jadi atau buatan manusia. Sebagai contoh, pelajar program pendidikan jarak jauh yang datang dari Johor untuk belajar di Universiti Sains Malaysia dalam tempoh sebulan semasa cuti sekolah akhir tahun. Demikian juga, sekumpulan pelajar Tingkatan Enam dari Kelantan yang datang ke Pulau Langkawi untuk tujuan lawatan sambil belajar selama tiga hari dan pelajar USM yang dihantar ke salah sebuah universiti di Jepun untuk program pertukaran pelajar dalam tempoh satu semester (Ruzanna et al., 2011).

Pelancongan pendidikan adalah pelancongan jangka pendek dan tujuan untuk belajar serta memperoleh pengetahuan, mereka yang terlibat adalah para pelajar dan sebilangan kecil guru (Guo, 2000). Aktiviti yang terlibat dalam pelancongan pendidikan adalah pelbagai iaitu mengetahui sebuah sekolah, adat atau budaya, belajar bahasa, menghadiri simposium atau seminar dan menghadiri satu projek akademik atau penyelidikan (Yuan, 2003). Bagaimanapun, maksud utama pelancongan pendidikan adalah mengenai pendidikan dan pembelajaran. Jadi, destinasi pelancongan pendidikan antaranya adalah sekolah terkenal, institut, universiti, tempat bersejarah dan kediaman ulama terkenal. Dengan ini, peserta boleh mendapatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelancongan pendidikan. Pelancongan pendidikan turut dapat memperkayakan pengetahuan dan menaiktarafkan produk pelancong bagi industri pelancongan tempatan. Perhatian yang lebih khusus ditumpukan kepada pasaran pelancongan pendidikan di China pada masa kini.

Banyak takrifan lain yang dikemukakan berkenaan dengan pelancongan pendidikan oleh para sarjana. Pelancongan pendidikan ditakrifkan sebagai suatu program yang melibatkan sekumpulan peserta yang membuat perjalanan ke sesuatu lokasi dengan bertujuan untuk membina pengalaman secara terus. Ia turut melibatkan aktiviti ekopelancongan, pelancongan warisan, pelancongan desa dan pertanian serta program pertukaran pelajar (Rodger, 1998; Ankomah dan Larson, 2000). Pelancongan pendidikan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pertama sebagai penawaran tempat pembelajaran yang formal seperti penubuhan institusi pengajian tinggi dan kedua sebagai memberi ilmu pengetahuan dan pendedahan secara tidak langsung kepada perkara yang berkaitan dalam aktiviti pelancongan. Dalam konteks ini, ia dapat memberikan peluang kepada para remaja, belia atau pelajar untuk mengenali pelbagai tempat menarik yang terdapat di kawasan tarikan pelancongan seperti tempat bersejarah, kebudayaan, ekopelancongan dan sebagainya yang dapat memberikan pengalaman dan pembelajaran kepada mereka (Afandi Fikri, 2007).

Ritchie (2006) mengklasifikasikan konsep pelancongan pendidikan kepada dua perspektif iaitu *tourism first* dan *education first*. Dengan meningkatkan lagi idea ini dan menggabungkan beberapa ciri, Ritchie mencadangkan spektrum pelancongan pendidikan yang telah dipinda seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Dalam kedua-dua kes ini, pelancongan dan pendidikan atau pembelajaran mungkin motif primer atau sekunder, namun kedua-dua kumpulan ini boleh dianggap sebagai pelancong dan mempunyai kesan yang berkaitan dengan pelancongan dan keperluan yang berbeza. Beberapa kesan atau peluang mungkin tidak sepenuhnya direalisasi atau dimanfaatkan oleh industri pelancongan sebagai segmen yang mungkin menjadikan mereka tidak layak dianggap sebagai pelancong dan industri itu sendiri mungkin juga tidak melihatnya sebagai pasaran pelancongan. Hal ini telah dibahas oleh beberapa penulis sebelum ini (Bywater, 1993; Cooper, 1999; Ritchie dan Priddle, 2000; Seekings, 1998).

### **Motif Pelancong Pendidikan**

Motif untuk perjalanan dan pelancongan biasanya timbul disebabkan oleh beberapa keperluan untuk keluar daripada rumah atau beban kehidupan sehari-hari dan ini dinyatakan sebagai motif tolakan (Krippendorf, 1987). Begitu juga, pendidikan dianggap sebagai satu cara untuk keluar daripada beban kehidupan sehari-hari dan semakin kerap diambil pada waktu luang (Cross, 1981). Salah satu daripada kategori motif lain telah digambarkan sebagai motif tarikan yang boleh menentukan lokasi pelancongan mereka selepas terdedah dengan motif tolakan. Pada umumnya, motif perjalanan dinyatakan sebagai motivasi untuk keseronokan perjalanan berkaitan dengan keinginan tarikan semula jadi, iklim, bersantai dan rehat (Gray, 1970). Crompton (1979) pula dalam menghuraikan motif perjalanan telah mengenal pasti pendidikan sebagai pusat faktor motivasi. Rajah 2 menunjukkan wujud banyak faktor motivasi untuk perjalanan dan mungkin wujud sebagai motif pelancongan pendidikan.

### **Pengalaman Pelancong Pendidikan**

Menurut Gunn (1998), terdapat tujuh peringkat pengalaman pelancong iaitu pelancong mempunyai maklumatnya tersendiri terhadap tempat yang akan dilawatinya, pelancong telah mempunyai imej tersendiri berdasarkan imej yang telah dibuat dan pelancong akan membuat keputusan untuk pergi ke tempat tersebut. Kemudian, pelancong akan menentukan saluran yang dipilih untuk pergi melancong sama ada melalui agensi pelancongan ataupun pergi sendiri. Seterusnya, pelancong pergi melancong ke tempat tersebut dan mendapat pengalaman sendiri dan akan pulang. Akhirnya, pelancong akan mendapat imej yang sebenarnya setelah merasai pengalaman sebenar.

Menurut Mckercher et al. (2004), dalam memberi pengalaman kepada pelawat atau pelancong, ia sebenarnya telah memberikan pelawat atau pelancong berasa unik dan relevan dengan apa yang mereka lawati. Sebagai contoh, dalam tarikan kebudayaan turut mempersembahkan hiburan di samping pendidikan berbanding dengan persembahan berkONSEPkan pendidikan sahaja. Seorang kurator Muzium Sejarah Hong Kong berpendapat tarikan kebudayaan yang popular perlu digabungkan dengan unsur-unsur taman tema dalam reka bentuk mereka kerana beliau percaya bahawa pengalaman berbentuk hiburan adalah kunci kepada kepopularan bagi muzium tersebut. Di samping itu, penggunaan pameran multimedia, persembahan dan ciri-ciri seni bina yang luar biasa yang boleh menarik pelancong sambil berhibur di samping mendidik mereka.

Terdapat kajian pemetaan tentang pengalaman pelancong pendidikan di Britain dalam memahami pelajar antarabangsa. Peruntukan pendidikan yang tinggi untuk pelajar antarabangsa telah menjadi sumber penting pendapatan untuk universiti Barat dan menarik perhatian pelajar dalam penyelidikan. Berdasarkan penilaian pelajar antarabangsa sebagai pelancong, dengan konsep pengalaman pelajar antarabangsa yang berkaitan didapati amat berbeza dengan pengalaman pelancong

yang diteorikan dalam risalah pelancongan sedia ada. Kajian ini meneliti tentang pengalaman pelajar antarabangsa daripada negara membangun di satu institusi pendidikan tinggi British. Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan pelajar adalah tinggi walaupun masih terdapat skop yang perlu lebih meningkatkan terutamanya aspek percampuran bahasa dan kebimbangan pelajar bermastautin di Britain bersama-sama orang dari luar negara. Ringkasnya, usaha ditumpukan kepada potensi dan implikasi universiti di British untuk menggunakan hasil penyelidikan dalam menyerlahkan pengalaman yang positif dan menggalakkan amalan yang baik serta menyediakan beberapa cadangan untuk pelajar antarabangsa mengenai bagaimana untuk belajar dan hidup di Britain (Rong Huang, 2008).

Seterusnya, dalam melaksanakan program pendidikan didapati pihak universiti bekerjasama secara positif dengan agensi pelancongan. Program berkenaan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pengalaman dalam kelas dan pengalaman di lapangan. Jadual program boleh mencirikan pengalaman berada dalam kelas dan tempat praktikal sepanjang tempoh pengajian. Kerajaan dan *National Tourism Organization* akan menyediakan sumber untuk menubuhkan pusat komunikasi masyarakat di pelbagai lokasi tarikan. Pusat ini akan menyediakan tenaga kerja dalam kalangan penduduk yang cekap dalam tarikan pelancongan dan soal pendidikan untuk membantu dalam penyebaran setempat. Di samping itu, pusat ini dilengkapi dengan teknologi canggih sebagai penghubung dengan universiti. Pembelajaran dalam pelancongan pendidikan boleh disampaikan melalui pendidikan jarak jauh, internet dan emel. Pembelajaran boleh dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama, peserta kadang-kadang boleh berada di universiti yang menghubungkan dengan pusat komuniti. Pengaturan ini membolehkan penyediaan asas pengetahuan dan persepsi peserta tentang apa yang terlibat dalam fasa seterusnya. Fasa kedua ialah pengalaman perjalanan peserta ke lokasi tarikan untuk terlibat secara aktif dan memperoleh kemahiran yang boleh menguatkan pengetahuan yang diperolehi di kelas (Ankomah dan Larson, 2000).

### Ruang Pergerakan Pelancong Pendidikan

Ruang pergerakan pelancong pendidikan adalah hala tuju dan perjalanan pelancong ke beberapa destinasi pelancongan sama ada menumpu di satu-satu kawasan atau tersebar luas ke kawasan lain. Terdapat beberapa kajian kes tentang ruang pergerakan atau tingkah laku pelancong pendidikan sepanjang tempoh pengajian mereka. Daripada pergerakan ini, pelancong memperoleh pengalaman dengan aktiviti yang mereka serta secara langsung atau tidak langsung.

Kajian tentang tingkah laku perjalanan pelajar antarabangsa di Universiti Midwestern telah memberikan maklumat penting kepada pengguna dan dapat mencadangkan strategi implikasi kepada perancang serta pengusaha pelancongan. Pada umumnya, antara aktiviti pelancongan yang paling popular dalam kalangan responden termasuklah bersiar-siar, melawat bandar dan muzium. Oleh itu, pemasar pelancongan boleh mencadangkan atau menekankan destinasi tertentu yang mempunyai peluang untuk bersiar-siar yang menarik, tempat membeli-belah yang bagus dan pelbagai muzium sains, sejarah atau seni yang berpotensi untuk menarik pelancong. Di samping itu, pengiklanan dan promosi diperlukan untuk menonjolkan pengalaman melancong ke lokasi menarik tersebut. Perkhidmatan lain seperti pengangkutan kereta, hotel / motel dan restoran makanan segera paling kerap digunakan oleh pelancong pelajar antarabangsa. Pemasar perkhidmatan pelancongan mungkin ingin menyediakan peta jalan terperinci, keadaan jalan raya, lokasi makanan segera serta tempat penginapan kerana pelancong pelajar antarabangsa tidak biasa dengan pelbagai destinasi di Amerika Syarikat (Hsu et al., 1997).

Seterusnya, terdapat kajian tentang faktor-faktor pelajar antarabangsa memilih destinasi pengajian yang mereka pilih. Seterusnya, mengkaji tingkah laku mereka sebagai pelancong semasa belajar sama ada mereka menjadi tuan rumah kunjungan daripada rakan dan saudara mara serta sumbangan ekonomi secara keseluruhan. Sampel terdiri daripada 600 orang pelajar antarabangsa yang belajar di institut pengajian tinggi di Melbourne, Australia dan 219 orang telah memberi maklum balas. Kaedah persampelan rawak berstrata telah digunakan dengan pemboleh ubah utama yang dikenal pasti iaitu negara asal, jantina dan universiti yang dihadiri. Hasil dapatan menunjukkan bahawa komunikasi merupakan medium yang ketara dalam pemilihan destinasi pendidikan. Perjalanan yang diambil sepanjang tempoh kemasukan adalah untuk tujuan persendirian. Tarikan Melbourne yang paling popular adalah *Queen Victoria Market* dan *The Great Ocean Road*. Kajian mendapati aktiviti berkaitan pelancongan yang dijalankan oleh para pelajar luar negara menyumbang kira-kira A\$8.2 juta kepada ekonomi Victoria. Angka ini akan melebihi dua kali ganda iaitu kira-kira A\$17.2 juta jika termasuk perbelanjaan melawat rakan dan saudara mara (Michael et al., 2004).

Pelancong pendidikan turut merangkumi saling hubungan antara pelancongan pendidikan dengan pemuliharaan hutan. Kajian ini bertujuan untuk memastikan pelajar sekolah membiasakan diri mereka dengan pemuliharaan hutan dan menyediakan maklumat tentang sifat semula jadi dan

keperluan untuk biodiversiti. Kajian ini memberi penekanan terhadap hubungan antara pelancongan pendidikan dan pemuliharaan hutan. Pelaksanaan pelancongan pendidikan kepada masyarakat boleh dicapai dengan pembelajaran sepanjang hayat serta kumpulan sasaran adalah pelajar sekolah. Hasil kajian memberikan pendedahan kepada para guru, kerajaan tempatan dan masyarakat, pengusaha pelancongan, organisasi tempatan dan antarabangsa dan sidang media untuk mereka memainkan peranan penting dalam hal ini (Md. Anowar et al., 2010).

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan data primer iaitu melibatkan borang soal selidik. Kaedah yang digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat terus daripada responden melalui borang soal selidik yang diedarkan.

### **Sampel Kajian**

Dalam penyelidikan ini, kajian dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik. Tinjauan yang dinyatakan adalah pengumpulan sistematik maklumat atau data tentang individu melalui temu bual atau soal selidik dan menafsir data dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Sciences* (SPSS). Borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan data yang berkaitan. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak berstrata iaitu sampel yang dipilih adalah berdasarkan kepada negara asal responden. Dalam kajian ini, sampel seramai 157 dalam kalangan pelajar pascasiswazah antarabangsa di Universiti Sains Malaysia.

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan induktif iaitu mengkhususkan kepada topik yang tertentu dan bukan secara generalisasi. Keputusan diambil dari fakta khusus kepada umum. Dalam hal ini, kajian yang dilakukan adalah berbentuk kajian kes serta melibatkan kaedah menggambar dan menginterpretasikan sesuatu fenomena untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci tentang sesuatu tindakan atau proses yang terjadi. Kajian berbentuk induktif bermula dengan pemerhatian dan diteruskan dengan membuat analisis dan akhirnya disudahi dengan membuat penjelasan tentang sesuatu kajian (Veal, 2006). Seterusnya, ia akan dipindahkan kepada reka bentuk deduktif iaitu melalui analisis data untuk memperoleh rumusan statistik yang tersusun dan menjimatkan masa pengendalian kajian.

### **Instrumen kajian**

Instrumen penyelidikan atau alat penyelidikan adalah cara untuk memperoleh data bagi sesuatu kajian. Dalam penyelidikan ini, kaedah pengumpulan data adalah bersumber primer dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden adalah dalam bahasa Inggeris. Selain itu, borang soal selidik yang sempurna, jelas menyatakan tujuan dan kehendak setiap soalan untuk mudah difahami oleh responden. Borang soal selidik terdiri daripada empat bahagian utama iaitu bahagian A: Profil demografik responden, bahagian B: Motif responden dalam memilih Malaysia dan USM, bahagian C: Ruang pergerakan responden sepanjang pengajian dan bahagian D: Cadangan meningkatkan pelancongan pendidikan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Profil demografik responden berdasarkan negara asal**

Jadual 1 menunjukkan negara asal responden pelajar pascasiswazah antarabangsa yang ditemu bual. Terdapat lima wilayah utama iaitu Asia Timur, Asia Tenggara, Asia Selatan, Asia Barat dan Negara Afrika. Indonesia merupakan bilangan pelajar paling ramai iaitu 34 orang (21.7%) diikuti Iraq seramai 25 orang (15.9%) serta Iran (11.5%). Indonesia dan Iraq adalah antara 20 negara tertinggi bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Manakala nilai sederhana adalah lebih daripada 5% iaitu Pakistan, China dan Yemen. Nilai paling rendah adalah seorang atau 0.6% yang terdiri daripada negara Korea, Thailand, Brunei, Singapura, Filipina, Bhutan, Qatar, Somalia dan Eritrea.

Ciri demografik responden berdasarkan peringkat umur, jantina, penginapan, tahun akademik, tahap pengajian, bidang pengajian dan pusat pengajian ditunjukkan dalam Jadual 2. Peringkat umur responden antara 26-30 tahun dan 31-35 tahun adalah yang tertinggi iaitu seramai 58 orang dan 47 orang. Pada peringkat umur ini, responden masih muda untuk menyambung pengajian daripada program ijazah pertama kepada sarjana dan doktor falsafah. Majoriti responden adalah lelaki iaitu melebihi 50% berbanding perempuan seramai 43 orang. Responden lelaki lebih ramai kerana mereka boleh hidup berdikari di luar negara asal mereka. Tahun 2010 dan 2009 adalah tahun paling ramai mendaftar iaitu 49 orang dan 39 orang berbanding tahun-tahun yang lain. Bilangan responden pada tahun ini tinggi disebabkan dasar dan komitmen USM dalam meningkatkan pelajar antarabangsa dan pascasiswazah mengikuti pengajian tinggi di universiti ini. Seterusnya, kebanyakan responden mengikuti pengajian kedoktoran iaitu seramai 102 orang. Tahap pengajian kedoktoran lebih ramai kerana responden yang menamatkan sarjana di universiti asal telah memilih Malaysia untuk menyambung pengajian.

Terdapat empat bidang utama di kampus induk USM iaitu sains tulen, sains gunaan, sastera tulen dan sastera gunaan. Dalam kajian ini, responden dalam bidang sains gunaan adalah yang tertinggi iaitu 34.4% dan diikuti sastera tulen, 30.0%. Majoriti responden terdiri daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan iaitu seramai 30 orang diikuti Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan seramai 24 orang. Manakala pusat pengajian yang lain mempunyai peratus kurang daripada 10% iaitu Pusat Pengajian Teknologi Industri, Sains Fizik, Sains Biologi, Ilmu Kemanusiaan, Sains Komputer dan Pengurusan. Seterusnya peratus paling rendah iaitu di bawah 5% adalah Pusat Pengajian Sains Kimia, Sains Farmasi, Komunikasi, Sains Metematik, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Ilmu Pendidikan, Seni, Pendidikan Jarak Jauh, Pusat IPv6 Termaju Negara serta Siswazah Perniagaan.

### **Motif dan sumber pemilihan Malaysia dan USM sebagai destinasi pengajian**

Empat motif utama responden memilih Malaysia dan USM iaitu motivasi dan galakan, promosi dan tawaran, reputasi kursus, imej dan faktor lain. Setiap motif utama dibahagikan pula kepada empat kriteria seperti dalam Jadual 3. Memandangkan pengajian universiti di negara lain secara relatifnya menjadi semakin mahal, maka Malaysia telah menjadi pilihan terbaik untuk melanjutkan pengajian bagi kebanyakan pelajar antarabangsa (IPPTN, 2009). Hasil kajian mendapati responden memberikan respon positif terhadap semua kriteria dalam motif pemilihan. Majoriti responden memilih setuju dan sangat setuju dalam motivasi dan galakan terutamanya kriteria dorongan dan minat sendiri (75.1%) serta dorongan ahli keluarga (62.5%). Dalam motif promosi dan tawaran, lebih 60% responden memilih setuju dan sangat setuju dalam kos dan yuran pengajian yang berpatutan. Rata-rata kos kehidupan pelajar antarabangsa di Malaysia adalah rendah kerana kebanyakan mereka tinggal berhampiran dengan universiti. Di samping itu, yuran juga berpatutan dan memberikan perkhidmatan yang baik kerana yuran meliputi pengangkutan, pejabat pengurusan pelajar antarabangsa, kemudahan klinik dan lain-lain (IPPTN, 2009).

Seterusnya motif reputasi kursus di USM, kebanyakan responden setuju dan sangat setuju dengan kemudahan dan teknologi pendidikan sebanyak 71.3%. Diikuti fleksibiliti pendaftaran dan pembelajaran serta penggunaan bahasa Inggeris yang meluas di Malaysia masing-masing melebihi 50% yang mengatakan setuju dan sangat setuju. Semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia mempunyai rangkaian sistem teknologi maklumat (IT) yang efisien untuk memberikan kemudahan kepada warga kampus. Motif keempat iaitu imej dan faktor lain mendapati responden memilih setuju dan sangat setuju dengan angkubah Malaysia sebagai negara Islam yang membangun iaitu sebanyak 72.6%.

Sumber yang digunakan adalah penting untuk mendapatkan sebarang maklumat berkaitan IPT yang ingin dipilih responden bagi melanjutkan pengajian. Antara sumber utama adalah internet / laman web, rakan / saudara di Malaysia, pensyarah, promosi pendidikan dan surat khabar / majalah (Rajah 3). Hasil kajian mendapati lebih 60% responden telah memilih internet / laman web sebagai sumber utama. Salah satu faktor yang dititikberatkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed adalah pembangunan IT di Malaysia. Kepentingan IT telah menjadi model kepada semua IPT di Malaysia (IPPTN, 2009). Dengan ini, maklumat mengenai IPT di Malaysia mempunyai laman web tersendiri dan boleh diakses dengan mudah oleh semua pelajar di luar negara. Sebanyak 27.4% responden memilih rakan / saudara di Malaysia sebagai sumber mereka. Hanya 0.6% iaitu seorang responden memilih sumber surat khabar / majalah untuk melanjutkan pengajian di USM.

Terdapat lima faktor utama responden dalam memilih USM iaitu reputasi yang bagus, tahap yuran berpatutan, kemudahan akses, tawaran kualiti pendidikan yang luas dan persekitaran kampus (Jadul 4). Hasil kajian menunjukkan responden telah memilih reputasi yang bagus sebagai faktor utama

dalam memilih USM (70.7%). USM adalah salah sebuah universiti penyelidikan yang mempunyai pensyarah yang berkualiti dan telah dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk melaksanakan Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX). Diikuti faktor kemudahan akses, tahap yuran berpatutan dan tawaran kualiti pendidikan yang luas. Kebanyakan responden memilih sangat tidak penting terhadap faktor persekitaran kampus iaitu sebanyak 55.4%. Terdapat seorang responden yang ditemui bual telah mengemukakan faktor lain daripada faktor yang disenaraikan. Faktor tersebut ialah responden telah dihantar oleh majikan beliau untuk melanjutkan pengajian di USM. Umumnya, pelajar memilih untuk belajar di luar negara kerana ingin mendapatkan pengalaman, sistem belajar dan budaya yang baru.

### **Pengalaman responden melalui aktiviti yang disertai di USM**

Jadual 5 menunjukkan aktiviti responden yang pernah disertai oleh mereka sepanjang pengajian di USM. Setiap responden boleh memilih lebih daripada satu aktiviti yang mereka sertai dalam borang soal selidik yang diagihkan. Hasil kajian mendapat majoriti responden lebih banyak terlibat dengan persidangan berbanding aktiviti lain iaitu seramai 88 orang. Diikuti aktiviti pelancongan persendirian dan penyelidikan dengan nilai masing-masing 84 orang dan 77 orang. Seterusnya aktiviti sukan seramai 52 orang dan lawatan seramai 38 orang. Manakala aktiviti yang kurang daripada 25% adalah festival, kursus, program homestay dan aktiviti lain seperti hari keluarga. Aktiviti persidangan yang diikuti responden adalah salah satu untuk lebih aktif dalam bidang pengajian. Ini kerana bagi seseorang responden, mereka tidak hanya melakukan kajian penyelidikan malah perlu menerbitkan jurnal, menyertai persidangan dan sebagainya.

Setiap pelajar mempunyai minat untuk terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh mana-mana pihak atau kelab di USM sepanjang pengajian mereka. Hasil dapatan daripada Jadual 6 mendapat majoriti responden banyak terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak universiti / Institut Pengajian Siswazah iaitu melebihi 50% seramai 89 orang. Penglibatan responden dengan pihak terbabit mendapat sambutan kerana aktiviti yang dianjurkan hanya dikenakan yuran penyertaan yang murah seperti bengkel untuk menjalankan penyelidikan yang diadakan setiap bulan antaranya bengkel menulis tinjauan literatur, metodologi kajian, analisis dan lain-lain. Kebanyakan aktiviti yang dianjurkan oleh IPS wajib dihadiri oleh semua pelajar pascasiswazah tempatan dan antarabangsa. Aktiviti lain yang dianjurkan oleh pihak ini seperti pertandingan futsal antara negara, *Cultural Gala Nite*, perayaan dan lain-lain. Diikuti aktiviti yang dianjurkan oleh kelab ijazah tinggi / pusat pengajian iaitu seramai 74 orang. Antara aktiviti yang dianjurkan oleh kelab adalah lawatan ke Pulau Langkawi, perkampungan orang asli di Grik, Perak dan lain-lain. Manakala penglibatan responden dalam aktiviti yang dianjurkan oleh desasiswa / asrama dan pihak lain kurang daripada 15%. Kebanyakan responden antarabangsa lebih suka tinggal di luar kampus berbanding di dalam kampus. Oleh itu, mereka tidak terikat dengan mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh pihak desasiswa di dalam kampus. Melalui aktiviti yang mereka sertai telah dapat memberikan pengalaman baharu dan mengalakkan perkongsian antara budaya.

### **Ruang pergerakan responden sepanjang pengajian di USM**

Kekerapan responden pulang ke negara asal sepanjang tempoh pengajian mereka di USM dapat ditunjukkan dalam Jadual 7. Terdapat empat peringkat iaitu 1-5 kali, 6-10 kali, 11-15 kali dan lebih 15 kali. Hasil kajian mendapat majoriti responden pulang ke negara asal pada kekerapan 1-5 kali iaitu seramai 81 orang. Diikuti mereka yang tidak pernah pulang sepanjang pengajian iaitu 46 orang. Seterusnya mereka yang pulang sebanyak 6-10 kali ke negara asal adalah seramai 21 orang. Manakala kekerapan responden pulang ke negara asal mereka antara 11-15 kali didapati 7 orang sahaja. Majoriti responden yang pulang melebihi 15 kali adalah mereka yang berasal dari Asia Tenggara seperti Indonesia dan Brunei. Ini kerana faktor jarak yang dekat dan tambang penerbangan yang murah.

Pergerakan responden di dalam Pulau Pinang ditunjukkan dalam Rajah 4. Terdapat banyak tempat menarik yang telah dikunjungi oleh responden sepanjang berada di Pulau Pinang. Batu Ferringghi, Tanjung Bungah, Telok Bahang serta taman rama-rama dan botanikal menjadi tarikan utama responden iaitu seramai 131 orang. Seterusnya, lokasi bandar iaitu Georgetown, Gurney dan Komtar (66 orang), Bukit Bendera dan Kek Lok Si Temple (59 orang) dan paling rendah ke Butterworth (12 orang). Analisis kajian mendapat responden lebih menyukai pantai untuk melancong. Pantai yang terkenal di Pulau Pinang adalah Batu Ferringghi. Di pantai tersebut, terdapat pelbagai aktiviti sukan air seperti *banana boat*, jet ski, luncur payung terjun dan lain-lain. Terdapat beberapa hotel yang berdekatan antaranya hotel Golden Sands Resort, Parkroyal, Hard Rock, Bayview Beach Resort dan Holiday Inn Resort.

Rajah 5 menunjukkan ruang pergerakan responden ke negeri lain sepanjang pengajian mereka di USM. Kuala Lumpur menjadi destinasi yang menjadi tarikan utama responden iaitu seramai 88 orang. Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia. Di samping itu, terdapat banyak destinasi pelancongan di Kuala Lumpur, antaranya Menara Kuala Lumpur, Menara Berkembar Petronas, Planetarium Negara, Pusat Sains Negara dan Pusat Dagangan Dunia Putra. Seterusnya di Kedah, lokasi tumpuan responden adalah Pulau Langkawi iaitu seramai 52 orang. Pulau Langkawi adalah salah sebuah destinasi tarikan pelancongan pulau yang utama di Malaysia. Negeri Pahang turut menjadi tumpuan responden iaitu seramai 24 orang. Lokasi tumpuan responden adalah Cameron Highlands dan Genting Highlands, kedua-duanya destinasi pelancongan tanah tinggi. Di Cameron Highlands, terdapat pelbagai tanaman bersuhu sejuk sederhana seperti strawberi, teh dan bunga-bunga. Pergerakan responden di Terengganu, Sabah dan Negeri Sembilan didapati adalah kurang. Manakala tumpuan responden ke Sarawak hanya seorang daripada jumlah responden sepanjang pengajian.

Pergerakan responden dari USM ke luar negara ditunjukkan dalam Rajah 6. Selain melawat negeri di Malaysia, responden turut berpeluang untuk pergi ke negara lain seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan China. Negara Thailand adalah destinasi yang banyak dikunjungi iaitu 34 orang, diikuti Singapura (22 orang) dan Indonesia (13 orang). Daya tarikan Menam Chao Pharaya di Thailand serta keunikan budaya dan makanan eksotik telah menjadi pilihan utama para pelancong. Indonesia sememangnya menjadi tumpuan pelancong dan antara daya tarikan adalah tukaran wang yang amat rendah, harga barang serta hotel yang lebih murah dan mudah memperoleh makanan halal. Manakala Singapura didapati kurang mempunyai daya tarikan pelancongan yang asli kecuali sebagai destinasi pelancongan membeli-belah yang amat digemari oleh pelancong (Yahaya Ibrahim et al., 2008). Responden ke Jepun seramai 6 orang dan diikuti Australia dan China masing-masing seramai 4 orang serta Korea, 3 orang dan Filipina, 2 orang. Negara lain seperti Jerman, Itali, Mesir dan Vietnam dengan masing-masing seorang responden. Ringkasnya, pergerakan responden ke luar USM bukan sahaja disebabkan oleh pelancongan semata-mata tetapi untuk tujuan pendidikan seperti menghadiri persidangan, kursus dan lain-lain. Pelancongan mungkin dijadikan motif sekunder responden apabila menghadiri aktiviti tersebut (Ruzanna et al., 2011).

## KESIMPULAN

Pelancongan pendidikan semakin terkenal dalam kalangan pelajar antarabangsa daripada pelbagai negara untuk menyambung pengajian di institut pengajian tinggi terutamanya di Universiti Sains Malaysia dan Malaysia amnya. Hasil kajian ini didapati amat relevan dan berguna kepada pihak berkepentingan khususnya Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam merangka strategi yang proaktif dalam merealisasikan Malaysia sebagai hub pelancongan pendidikan yang terkemuka di rantau Asia Pasifik khususnya dan di peringkat dunia amnya. Malaysia dijadikan destinasi pilihan utama untuk melanjutkan pengajian mereka kerana ingin mendapatkan pendidikan yang berkualiti, pengalaman dan budaya baru. Malaysia mempunyai lebih daripada 600 institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian di tahap pra-universiti hingga tahap ijazah tinggi. Di samping itu, Malaysia menyediakan platform terbaik bagi pelajar antarabangsa untuk mengenali tradisi dan kebudayaan negara di Asia selaras dengan konsep *Malaysia Truly Asia*.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Insentif Pascasiswazah (1001/PHUMANITI/822129).

## RUJUKAN

- Afandi Fikri. (2007). *Pembangunan Kandis Resource Centre - Pemangkin Pelancongan Pendidikan*. Tesis Sarjana Sains Perancangan Pelancongan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ankomah, P.K & Larson, R.T. (2000). Education tourism: A strategy to strategy to sustainable development in Sub-Saharan Africa. *Annals of Tourism Research*.
- Bywater, M. (1993). Market segments: The youth and student travel market. *Travel and Tourism Analyst* 5 (3), 35-50.
- Canadian Tourism Commission. (CTC). (2001). *Learning Travel: Canadian Edventures Learning Vacations in Canada: An Overview*. Ontario: Canadian Tourism Commission.

- Cooper, C. (1999). The European school travel market. *Travel and Tourism Analyst* 5, 89-106.
- Crompton, J.L. (1979). Motivations for pleasure travel. *Annals of Tourism Research* 6, 408-424.
- Cross, K. (1981). *Adults as Learners*. San Francisco: Jossey-Bass.
- French, C., Craig-Smith, S. & Collier, A. (2000). *Principles of Tourism*. French's Forest, Australia: Pearson Education.
- Gray, H. (1970). *International Travel – International Trade*. Lexington: Heath Lexington.
- Gunn, C. (1998). *Tourism Planning: Basis, Concepts and Cases*. 3rd Ed. Washington DC: Taylor and Francis.
- Guo Yixin. (2000). *Vacation Economy*. Guangzhou: Guangzhou Economics Press.
- Hsu, C.H.C. & Shihlin Sung. (1997). Travel Behaviors of International Students at a Midwestern University. *Journal of Travel Research*. 36:59.
- Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara. (IPPTN). (2009). Laporan Akhir: *Kajian Pelajar Antarabangsa di Malaysia*.
- Kalinowski, K. & Weiler, B. (1992). Educational travel. In C. M. Hall and B. Weiler (eds) *Special Interest Tourism*. London: Belhaven.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2010). Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia. www.mohe.gov.my. Tarikh akses: Disember 2010.
- Krippendorf, J. (1987). *The Holiday Makers: Understanding the Impact of Leisure and Travel*. Oxford: Heinemann Professional.
- Md. Anowar Hossain Bhuiyan, Rabiul Islam, Chamhuri Siwar & Shaharuddin Mohammad Ismail. (2010). Educational Tourism and Forest Conservation: Diversification for Child Education. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7(C), 19-23.
- McKercher, B., Ho, S.Y.P. & Hilary, du C. (2004). Attributes of Popular Cultural Attractions in Hong Kong. *Annals of Tourism Research*. 31. (2) 393-407.
- Michael, I., Armstrong, A. & King, B. (2004). The Travel Behaviour of International Students: The Relationship Between Studying Abroad and Their Choice of Tourist Destinations. *Journal of Vacation Marketing* 10:57.
- Rancangan Malaysia Kesembilan. 2006-2010.
- Ritchie, B.W. & Priddle, M. (2000). International and domestic university students and tourism: The case of the Australian capital territory. Paper presented at the Australian Tourism and Hospitality Research Conference, Mt Buller, Australia, 2-5 February.
- Ritchie, B. W. (2006). *Managing Educational Tourism*. India: Viva Books Private Limited.
- Rodger, D. (1998). Leisure, learning and travel. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*. 69(4), 28-31. Daily Times September 1999.
- Rong Huang. (2008). Mapping Educational Tourists' Experience in the UK: Understanding International Students. *Third World Quarterly*. Vol. 29, No. 5. pp. 1003-1020.
- Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil, Ahmad Tharmizie Mat Jusoh & New Gaik Ling. (2011). Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-VI (Jilid II)*. Everly Resort Hotel Malacca. 5-7 Jun 2011.
- Ruzanna Syamimi Ramli & Jabil Mapjabil. (2011a). Kepentingan Memahami Pengalaman dan Ruang Pergerakan Pelancong Pendidikan Antarabangsa kepada Komuniti Setempat. *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan*. Kampung Tok Senik Resort Langkawi, Kedah. 10-11 Oktober 2011.
- Ruzanna Syamimi & Jabil Mapjabil. (2011b). Pengalaman dan Ruang Pergerakan Pelancong Pendidikan: Kajian Kes Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa Universiti Sains Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar*. Hotel Vistana, Pulau Pinang. 16-17 November 2011.
- Seekings, J. (1998). The youth travel market. *Travel and Tourism Analyst* 5, 1-20.
- Sim, C. L. (2007). *Pelancongan Pendidikan & Pelancongan MICE*. Edu Quest Publisher. Petaling Jaya.
- Smith, C. & Jenner, P. (1997). Market segments: Educational tourism. *Travel and Tourism Analyst* 3, 60-75.
- Veal, A. J. (2006). *Research Methods For Leisure and Tourism: A Practical Guide*. Harlow, England: Prentice Hall.
- Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad & Habibah Ahmad. (2008). Pelancongan Malaysia: Isu Pembangunan, Budaya, Komuniti dan Persempatan. Universiti Utara Malaysia.
- Yuan Yinwei. (2003). Analysis of Japanese Education Tour to China. *Chinese Tourism Post*.

<i>Tourism First</i>	<i>Education First</i>
Kepentingan am pembelajaran semasa dalam	Matlamat pembelajaran dan perjalanan

perjalanan	
Dorongan utama oleh pengembawaan dan pelancongan	Dorongan utama oleh pendidikan dan pembelajaran
Motivasi yang berkait dengan pendidikan	Motivasi yang berkait dengan pelancongan
Pengalaman pembelajaran berorientasikan rasa ingin tahu	Pengalaman pelancongan berorientasikan anjuran pembelajaran
Pengiktirafan industri pelancongan nyata	Kurang pengiktirafan oleh industri pelancongan
Elemen teras strategi ekonomi pelancong	Elemen tambahan strategi ekonomi pelancong
Destinasi/tarikan sasaran	Insitusi pendidikan yang disasarkan
Kesan pelancongan nyata	Kesan yang berkaitan dengan pelancongan tidak nyata

RAJAH 1: Spektrum Pelancongan Pendidikan

Sumber: Ritchie (2006)

Kategori	Motivasi khusus
Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cergas tubuh dan fikiran</li> <li>• Untuk tujuan kesihatan</li> <li>• Untuk menyertai sukan</li> <li>• Kenalan dengan kehidupan luar</li> </ul>
Budaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rasa ingin tahu tentang negara-negara asing, orang, budaya dan tempat</li> <li>• Berminat dengan seni, muzik, seni bina dan cerita rakyat</li> <li>• Untuk menyertai acara-acara kebudayaan tertentu</li> </ul>
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melawat rakan dan saudara</li> <li>• Pertemuan dengan rakan baru</li> <li>• Cari sahabat baru dan saudara</li> <li>• Melancong untuk perjalanan</li> <li>• Prestij dan status</li> <li>• Fesyen</li> <li>• Mengejar hobi</li> <li>• Menyambung pendidikan dan pelajaran</li> <li>• Mencari kenalan perniagaan dan mengejar professional</li> <li>• Persidangan dan mesyuarat</li> <li>• Menguatkan ikatan keluarga</li> </ul>
Rohani	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melawat tempat dan orang untuk tujuan agama</li> <li>• Perjalanan sebahagian daripada ziarah</li> <li>• Perjalanan untuk ‘mencari diri sendiri’</li> <li>• Berhubung dengan alam sekitar</li> </ul>
Fantasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjalanan kegembiraan peribadi</li> <li>• ‘Anomic’-melarikan diri dari lingkungan sendiri sosial seseorang kekal</li> <li>• ‘Ego-enhancement’-kesenangan sensual (baik yang nyata maupun yang dibayangkan)</li> <li>• Memenuhi keinginan</li> </ul>

RAJAH 2: Motivasi Pelancong dan Motif Pendidikan

Sumber: Ritchie (2006)

JADUAL 1: Ciri Demografik Responden Berdasarkan Negara Asal

Benua	Negara	Bilangan (N)	Peratus (%)
Asia Timur	China	10	6.4

	Korea	1	0.6
Asia Tenggara	Indonesia	34	21.7
	Thailand	1	0.6
	Brunei	1	0.6
	Singapura	1	0.6
	Filipina	1	0.6
Asia Selatan	Pakistan	13	8.3
	India	2	1.3
	Bangladesh	6	3.8
	Bhutan	1	0.6
Asia Barat	Iraq	25	15.9
	Iran	18	11.5
	Yemen	8	5.1
	Jordan	4	2.5
	Palestin	7	4.5
	Arab Saudi	3	1.9
	Qatar	1	0.6
Negara Afrika	Libya	4	2.5
	Nigeria	7	4.5
	Sudan	4	2.5
	Afrika Selatan	3	1.9
	Somalia	1	0.6
	Eritrea	1	0.6
<b>Jumlah</b>		157	100.0

Sumber: Kajian Lapangan (2011)

JADUAL 2: Ciri Demografik Responden

Ciri Demografik	Kriteria	Bilangan	Peratus (%)
Peringkat umur	25 tahun ke bawah	9	5.7
	26-30 tahun	58	36.9
	31-35 tahun	47	30.0
	36-40 tahun	31	19.7
	40 tahun ke atas	12	7.6
Jantina	Lelaki	114	72.6
	Perempuan	43	27.4
Penginapan	Dalam kampus	73	46.5
	Luar kampus	84	53.5
Tahun akademik	2006	3	1.9
	2007	10	6.4
	2008	13	8.3
	2009	39	24.8
	2010	49	31.2
	2011	30	19.1
	Tidak menjawab	13	8.3
Tahap pengajian	PhD (Penyelidikan)	102	65.0
	Sarjana (Penyelidikan)	35	22.3
	Sarjana (Mod Campuran)	17	10.8
	Sarjana (Kerja Kursus)	3	1.9
Bidang Pengajian	Sains Gunaan	54	34.4
	Sastera Tulen	47	30.0
	Sains Tulen	34	21.7
	Sastera Gunaan	22	14.0
Pusat Pengajian	Sains Kemasyarakatan	30	19.1
	Perumahan, Bangunan & Perancangan	24	15.3
	Teknologi Industri	14	8.9
	Fizik	11	7.0

Sains Biologi	11	7.0
Ilmu Kemanusiaan	10	6.4
Sains Komputer	9	5.7
Pengurusan	8	5.1
Sains Kimia	7	4.5
Sains Farmasi	6	3.8
Komunikasi	6	3.8
Sains Matematik	5	3.2
Bahasa, Literasi & Terjemahan	5	3.2
Ilmu Pendidikan	4	2.5
Seni	3	1.9
Pendidikan Jarak Jauh	2	1.3
Pusat IPv6 Termaju Negara	1	0.6
Siswazah Perniagaan	1	0.6


Sumber: Kajian Lapangan (2011)

JADUAL 3: Motif Pengajian Responden Memilih Malaysia dan USM

Motif pemilihan	Kriteria	Tidak setuju		Kurang setuju		Sederhana		Setuju		Sangat setuju	
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Motivasi dan galakan	Dorongan dan minat sendiri	11	7.0	6	3.8	22	14.0	68	43.3	50	31.8
	Dorongan ahli keluarga	14	8.9	9	5.7	36	22.9	61	38.9	37	23.6
	Dorongan senior dan pensyarah negara asal	19	12.1	11	7.0	50	31.8	63	40.1	14	8.9
	Dorongan atau kenalan di Malaysia	21	13.4	20	12.7	41	26.1	54	34.4	21	13.4
Promosi dan tawaran	Tawaran biasiswa dari negara asal	43	27.4	21	13.4	35	22.3	38	24.2	20	12.7
	Promosi pendidikan Malaysia di negara asal	26	16.6	35	22.3	41	26.1	47	29.9	8	5.1
	Kos dan yuran pengajian yang berpatutan	13	8.3	12	7.6	29	18.5	75	47.8	28	17.8
	Perjanjian serantau dalam pendidikan	15	9.6	21	13.4	54	34.4	50	31.8	17	10.8
Reputasi Kursus	Kursus yang pelbagai dan berdaya pasaran	11	7.0	11	7.0	49	31.2	65	41.4	21	13.4
	Kemudahan dan teknologi pendidikan	5	3.2	8	5.1	32	20.4	87	55.4	25	15.9
	Fleksibiliti pendaftaran dan pembelajaran	7	4.5	19	12.1	31	19.7	75	47.8	25	15.9
	Bahasa Inggeris diguna meluas di Malaysia	8	5.1	19	12.1	24	15.3	79	50.3	27	17.2
Imej dan faktor lain	Persamaan budaya dengan	9	5.7	20	12.7	40	25.5	62	39.5	26	16.6

	negara asal									
Kestabilan ekonomi dan politik Malaysia	10	6.4	5	3.2	33	21.0	77	49.0	32	20.4
Malaysia sebagai negara Islam yang membangun	8	5.1	10	6.4	25	15.9	64	40.8	50	31.8
Jarak dan aksesibiliti Malaysia yang mudah	10	6.4	18	11.5	31	19.7	64	40.8	34	21.7

Sumber: Kajian Lapangan (2011)



RAJAH 3: Sumber Utama Peluang Melanjutkan Pengajian di USM

Sumber: Kajian Lapangan (2011)

JADUAL 4: Faktor Keutamaan Responden Terhadap Pemilihan USM

Faktor	Sangat penting		Penting		Sederhana		Tidak penting		Sangat tidak penting	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Reputasi bagus	87	55.4	24	15.3	26	16.6	10	6.4	9	5.7
Kemudahan akses	26	16.6	53	33.8	34	21.7	22	14.0	21	13.4
Yuran berpatutan	27	17.2	38	24.2	48	30.6	26	16.6	17	10.8
Kualiti pendidikan	10	6.4	26	16.6	30	19.1	68	43.3	22	14.0
Persekutuan kampus	6	3.8	15	9.6	18	11.5	30	19.1	87	55.4

Sumber: Kajian Lapangan (2011)

JADUAL 5: Aktiviti Responden yang Pernah Sertai

Aktiviti	Ya	Peratus (%)	Tidak	Peratus (%)

Persidangan	88	56.1	69	43.9
Pelancongan persendirian	84	53.5	73	46.5
Penyelidikan	77	49.0	80	51.0
Sukan	52	33.1	105	66.9
Lawatan	38	24.2	119	75.8
Kursus	31	19.7	126	80.3
Festival	32	20.4	125	79.6
Program Homestay	18	11.5	139	88.5

Sumber: Kajian Lapangan (2011)

JADUAL 6: Responden Terlibat dengan Pihak atau Kelab Tersebut


Pihak yang terlibat	Ya		Tidak		Jumlah
	N	%	N	%	
Universiti / Institut Pengajian Siswazah	89	56.7	68	43.3	157
Kelab Ijazah Tinggi / Pusat Pengajaran	74	47.1	83	52.9	157
Desasiswa / Asrama	18	11.5	139	88.5	157
Pihak lain	11	7.0	146	93.0	157

Sumber: Kajian Lapangan (2011)


JADUAL 7: Kekerapan Responden Pulang ke Negara Asal

Kekerapan	Bilangan	Peratus (%)
1-5 kali	81	51.6
6-10 kali	21	13.4
11-15 kali	7	4.5
Lebih 15 kali	2	1.3
Tidak pernah	46	29.3
Jumlah	157	100


Sumber: Kajian Lapangan (2011)



**RAJAH 4:** Pergerakan Responden dalam Pulau Pinang  
Sumber: Kajian Lapangan (2011)



RAJAH 5: Pergerakan Responden dari USM ke Luar Negeri  
Sumber: Kajian Lapangan (2011)



RAJAH 6: Pergerakan Responden dari USM ke Luar Negara  
Sumber: Kajian Lapangan (2011)